

**MOTIF PENGLIBATAN DAN CORAK ORIENTASI
MATLAMAT TERHADAP KEBIMBANGAN PRA-
PERTANDINGAN SUKAN DALAM
KALANGAN PELAJAR ATLET
SEKOLAH SUKAN
MALAYSIA**



SHUKIMAN SUKARDI

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

**MOTIF PENGLIBATAN DAN CORAK ORIENTASI
MATLAMAT TERHADAP KEBIMBANGAN PRA-
PERTANDINGAN SUKAN DALAM
KALANGAN PELAJAR ATLET
SEKOLAH SUKAN
MALAYSIA**



SHUKIMAN SUKARDI

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

9 Februari 2014

Shukiman Sukardi
PT20099039



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **SHUKIMAN BIN SUKARDI**
NO MATRIK : **PT20099039**
TAJUK : **MOTIF PENGLIBATAN DAN CORAK ORIENTASI
MATLAMAT TERHADAP KEBIMBANGAN PERTANDINGAN
SUKAN DALAM KALANGAN PELAJAR ATLET SEKOLAH
SUKAN MALAYSIA**
IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH
SAINS SUKAN (PSIKOLOGI SUKAN)**
TARIKH VIVA : **12 SEPTEMBER 2103**

DISAHKAN OLEH;

1. SUPERVISOR

Prof. Madya Dr. Mohammad Razali Abdullah

Tandatangan



UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

*Bismillahirrahmanirrahim
Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

Segala puji bagi Allah. Penulis memujiNya, memohon pertolongan kepadaNya, dan memohon keampunan kepadaNya. Penulis memohon perlindungan kepada Allah dari kejahatan diri dan kejelekan amal perbuatan penulis. Dengan rendah hati, penulis bersyukur kepadaNya kerana memberikan kesabaran dan kesihatan untuk menempuhi cabaran dan dugaan dalam menyiapkan penulisan ini. Berkat syukur dipanjatkan keatasNya kerana memberikan kekuatan dan hidayah untuk terus menulis dan terus menulis. Syukur alhamdulillah.

Buat ayahanda tercinta, terima kasih atas doa dan nasihat agar penulis utuh dan tegar menuntut ilmu. Jasa ayah terpahat kukuh dalam jiwa penulis. Bonda, walau pun tanpa disisi sekian lama dan tidak sempat merasa kasih sayang bonda, kejayaan ini dan doa sering dititipkan agar tenang di sana. Terima kasih juga buat kedua-dua orang mentua dan keluarga atas sokongan dan dorongan dalam meniti perjuangan ilmu ini. Buat isteri tercinta, Asrifah Amirul dan anak-anak Yasmin Dhaniyah, Darin Wafiyah dan Mohd. Rayyan terima kasih atas kesabaran kalian terutamanya waktu-waktu genting terpaksa berjauhan buat sekian lama demi secebis ilmu.

Prof. Madya Dr. Mohamad Razali Abdullah. Jutaan terima kasih atas bimbingan dan teguran sepanjang penulisan ini berlangsung. Teguran dan komen-komen tanpa jemu Dr. telah banyak menyedarkan penulis betapa indahnyanya ilmu pedagogi dan andragogi. Jasa banyak Dr., Allah sahaja yang mampu membalas. Sekadar secebis doa agar Dr. dilanjutkan usia, diberikan kesihatan yang baik, dimurahkan rezeki, dilimpahi rahmat dan terus menabur ilmu walau dimana berada olehNya. Tidak dilupakan En. Pathmanathan, En. Hasnol, Dr. Anuar, Dr. Nizam dan Pensyarah-pensyarah UMS khususnya di SPPS jutaan terima kasih atas tunjuk ajar sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Rakan-rakan seperjuangan, terutamanya En Jorrye dan Pn Norlela terima kasih banyak-banyak atas perkongsian ilmiah sepanjang 'bertapa' di bilik pascasiswazah SPPS, UMS. Kenangan terindah terpahat suka duka insan bergelar pelajar. Tidak dilupakan kepada Pn. Faridah (senior) tanpa teguran kakak penulisan ini pastinya menemui jalan buntu. Buat Carmen (New Zeland), terima kasih kerana banyak mengirimkan jurnal dan artikel karya asli (*premier*) kepada penulis serta kepada semua yang membantu menjayakan penulisan ini.

Akhir kata, penulisan ini tidak akan bernoktah disini. Ini adalah pemulaan. Dunia memerlukan kita untuk terus berdiri setanding dengan penulis-penulis penyelidik tersohor dunia. Tidak perlu beralah jika bukan tempatnya. Jangan mati tanpa ilmu dan jangan riak dengan ilmu. Ilmu bukan untuk disombongkan atau diriakkan. Ilmu untuk dikongsi dan disebar. Bangunkan diri untuk dunia akhirat.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti motif penglibatan dan orientasi matlamat terhadap kebimbangan pra-pertandingan sukan pelajar atlet di Sekolah Sukan Malaysia (SSM). Seramai 294 orang pelajar atlet terlibat dalam kajian ini yang melibatkan dua buah sekolah sukan iaitu; Sekolah Sukan Bukit Jalil, Kuala Lumpur dan Sekolah Sukan Tengku Mahkota Ismail, Johor. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan deskriptif jenis tinjauan. Data yang diperolehi berdasarkan soal selidik. Tiga soal selidik yang telah digunakan iaitu *Progressive Motives Questionnaire (PMQ)* oleh Gill, Gross & Huddleston (1983), *Task and Ego Orientation of Sport Questionnaire (TEOSQ)* – Duda & Nicholls (1989) dan *Competitive of Sport Anxiety Inventory-2* yang dimajukan oleh Marten, Vealey dan Burton (1990). Nilai kebolehpercayaan instrumen adalah PMQ (0.81), TEOSQ (0.82) dan CSAI-2 (0.76). Nilai kebolehpercayaan instrumen adalah tinggi dan sangat bertepatan dengan tujuan kajian ini. Semua data yang telah dikutip akan dianalisis berbantuan komputer dengan perisian *Statistical Package Social Science 16- SPSS 16*. Data kajian adalah bertaburan normal berdasarkan nilai *skewness* dan *kurtosis* dalam lingkungan -0.41 hingga 0.18. Data-data mentah telah dianalisis menggunakan analisis statistik inferensi seperti Ujian-t, ANOVA sehalu, Korelasi *pearson* dan regresi pelbagai bagi menjawab soalan-soalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan motif keseluruhan motif penglibatan pelajar atlet SSM adalah bermotif perkembangan kemahiran ($M=4.73$), corak orientasi matlamat tugasan ($M=4.24$) dan mempunyai tahap kebimbangan pra-pertandingan kognitif ($M=2.42$). Dapatan kajian juga mendapati terdapat hubungan positif yang lemah antara motif penglibatan dan orientasi matlamat terhadap kebimbangan pra-pertandingan ($r=0.29$, $p=0.00$). Namun, hanya motif penglibatan sahaja yang merupakan peramal utama terhadap tahap kebimbangan pra-pertandingan keseluruhan pelajar atlet SSM ($\beta=0.236$, $t(292)=5.22$, $p<0.05$). Di akhir kajian, implikasi kajian terhadap teori-teori kajian dan praktikal turut dibincangkan secara menyeluruh. Disamping, turut mengemukakan cadangan-cadangan untuk kajian lanjutan.

ABSTRACT

PARTICIPATION MOTIVES AND GOAL ORIENTATION PATTERNS OF SPORT COMPETITION ANXIETY AMONG STUDENT ATHLETES OF SPORT SCHOOLS, MALAYSIA

This study aimed to identify the participation motives and goal orientation on pre-competition anxiety of sports student athletes in Malaysia Sports Schools (SSM). A total of 294 student athletes were involved in this study taken from two sport schools; Bukit Jalil Sport School, Kuala Lumpur and Tengku Mahkota Ismail Sport School, Johor. This study applied descriptive survey research method. The data were obtained through questionnaire. Three questionnaires were used, namely the Progressive Motives Questionnaire (PMQ) by Gill, Gross & Huddleston (1983), Task and Ego Orientation of Sport Questionnaire (TEOSQ) - Duda & Nicholls (1989) and Competitive Sport Anxiety Inventory-2 developed by Marten, Vealey and Burton (1990). Reliability of the instrument was PMQ value (0.81), TEOSQ (0.82) and the CSAI-2 (0.76). Reliability of the instrument was of high value and considered very appropriate for the purpose of this study. All the data collected were analyzed using the Statistical Package Social Science 16-SPSS 16, software. The data were of normal distribution based on skewness and kurtosis values ranging from - 0.41 to 0.18. Raw data were then analyzed using inferential statistical analysis such as t-test, one-way ANOVA, Pearson Correlation and Multiple Regression to answer the research questions. The findings showed the overall motive of SSM students motive participation through skill development ($M = 4.75$), the pattern of task goal orientation ($M = 4.24$) and a higher level of pre-competition cognitive anxiety ($M = 2.71$). The study also found a weak positive correlation between participation motives and goal orientation on pre-competition anxiety ($r = 0.29$, $p = 0.000$). However, it was discovered that motive was the main predictor of the level of pre-competition anxiety of the whole student athletes of SSM ($\beta = 0.236$, $t(292) = 5.22$, $p(0.05)$). At the end of the study, implications of research on theories and practices were discussed thoroughly. In addition, proposals for future and further research were also delivered.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xviii
SENARAI SINGKATAN	xix
BAB 1: PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang kajian	3
1.3 Pernyataan masalah	6
1.4 Soalan kajian	11
1.5 Tujuan kajian	12
1.6 Objektif kajian	13
1.7 Kepentingan kajian	14
1.8 Definisi operasional	15
1.8.1 Motif penglibatan	16
1.8.2 Motivasi instrinsik	16
1.8.3 Motivasi ekstrinsik	16
1.8.4 Orientasi matlamat	17
1.8.5 Orientasi tugas	17
1.8.6 Orientasi ego	17
1.8.7 Kebimbangan dalam sukan	18
1.8.8 Kebimbangan pra-pertandingan	18
1.8.9 Kebimbangan kognitif	18
1.8.10 Kebimbangan somatik	19

1.8.11	Keyakinan diri	19
1.8.12	Pelajar atlet	19
1.8.13	Sukan individu	19
1.8.14	Sukan berpasukan	20
1.8.15	Pencapaian prestasi	20
1.9	Limitasi kajian	20
1.10	Kesimpulan	21
 BAB 2: KAJIAN LITERATUR		 22
2.1	Pengenalan	22
2.2	Motivasi pelajar atlet	22
2.3	Motivasi dalam sukan	23
2.4	Motif penglibatan	24
2.5	Orientasi matlamat	28
2.6	Kebimbangan pra-pertandingan	31
2.7	Teori kajian	32
2.7.1	Model Pencapaian McClelland dan Atkinson	32
2.7.2	Teori Kebimbangan Multidimensi	34
2.7.3	Model Bencana (<i>Catastrophe Model</i>)	37
2.8	Teori-teori berkaitan	40
2.8.1	Motif penglibatan	40
	i. Teori Maslow	40
	ii. Teori Desakan	45
2.8.2	Orientasi matlamat	45
	i. Teori Persepsi Kebolehan Nicholls	45
2.8.3	Kebimbangan pra-pertandingan	46
	i. Teori U terbalik	46
2.9	Kajian-kajian lampau	46
2.9.1	Motif penglibatan	47
	i. Jantina	47
2.9.2	Orientasi penglibatan	49
	i. Jantina	49
	ii. Umur	51

iii. Jenis sukan	51
2.9.3 Kebimbangan pra-pertandingan	52
i. Jantina dan jenis sukan	52
ii. Pengalaman	53
2.10 Kajian lampau motif penglibatan, orientasi matlamat dan kebimbangan pra-pertandingan dalam sukan	54
2.11 Rumusan kajian literatur	57
2.12 Kerangka konseptual kajian	59
2.13 Kesimpulan	62
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	63
3.1 Pengenalan	63
3.2 Reka bentuk kajian	63
3.3 Populasi	64
3.4 Persampelan kajian	65
3.5 Kaedah persampelan	65
3.6 Prosedur kajian	68
3.6.1 Sebelum kajian	68
i. Kajian rintis	68
ii. Kebolehpercayaan instrumen dan normaliti data kajian	70
3.6.2 Kajian sebenar	72
3.7 Lokasi kajian	73
3.8 Instrumen kajian	73
3.9 Kebolehpercayaan dan kesahan instrumen kajian	79
3.10 Prosedur pengumpulan data	82
3.10.1 Prosedur teknikal	82
3.10.2 Prosedur lapangan	82
3.11 Penganalisan data	84
3.11.1 Statistik deskriptif	84
3.11.2 Statistik inferensi	85
3.12 Pengkodkan nilai motif penglibatan, orientasi matlamat dan tahap kebimbangan	88

3.12.1	Motif penglibatan	88
3.12.2	Orientasi matlamat	97
3.12.3	Kebimbangan	100
3.13	Ringkasan statistik	104
3.14	Kesimpulan	106
BAB 4: DAPATAN KAJIAN		108
4.1	Pengenalan	108
4.2	Proses kutipan data	109
4.3	Analisis deskriptif demografi kajian sebenar	111
4.3.1	Analisis deskriptif	115
4.4	Analisis inferensi	116
4.4.1	Ujian-t	116
4.4.2	Ujian ANOVA sehalu	137
4.4.3	Korelasi	150
4.4.4	Regresi pelbagai	154
4.5	Ringkasan hasil dapatan kajian	159
4.6	Kesimpulan	162
BAB 5: PERBINCANGAN, IMPLIKASI & CADANGAN		163
5.1	Pengenalan	163
5.2	Perbincangan	165
5.2.1	Analisis deskriptif demografi kajian	166
5.2.2	Motif penglibatan pelajar atlet SSM	166
5.2.3	Orientasi matlamat pelajar atlet SSM	169
5.2.4	Kebimbangan pra-pertandingan pelajar atlet SSM	172
5.2.5	Hubungan motif penglibatan, orientasi matlamat dan keseimbangan pra-pertandingan pelajar atlet SSM	175
5.3	Kesimpulan	181
5.4	Implikasi dapatan kajian	184
5.4.1	Implikasi teori	184
5.4.2	Implikasi praktikal	186

5.5	Cadangan kajian lanjutan	187
5.6	Penutup	189
BIBLIOGRAFI		191
LAMPIRAN		205
<i>Lampiran 1</i>	- Borang soal selidik	
<i>Lampiran 2</i>	- Surat kebenaran menjalankan kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Kementerian Pelajaran Malaysia	
<i>Lampiran 3</i>	- Surat kebenaran menjalankan kajian daripada Bahagian Sukan, Kementerian Pelajaran Malaysia	
<i>Lampiran 4</i>	- Surat kebenaran menjalankan kajian daripada Jabatan Pelajaran Negeri Sabah (JPNS)	
<i>Lampiran 5</i>	- Surat permohonan menjalankan kajian daripada Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) dan Sekolah Sukan Tengku Mahkota Ismail (SSTMI)	
<i>Lampiran 6</i>	- Surat-surat berkaitan	
<i>Lampiran 7</i>	- Jadual penentu saiz sampel Krejcie dan Morgan	
<i>Lampiran 8</i>	- Contoh hasil analisis statistik kajian	

SENARAI JADUAL

	Halaman	
Jadual 3.1	Penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970)	66
Jadual 3.2	Ringkasan nilai kebolehpercayaan instrumen kajian	69
Jadual 3.3	Kebolehpercayaan dan normaliti instrumen kajian	70
Jadual 3.4	Perbandingan nilai korelasi penggunaan instrumen kajian	74
Jadual 3.5	Soal selidik PMQ dan nombor item berdasarkan subskala motif Penglibatan	76
Jadual 3.6	Soal selidik TEOSQ dan nombor item berdasarkan subskala Orientasi Matlamat	77
Jadual 3.7	Soal selidik CSAI-2 dan nombor item berdasarkan subskala kebimbangan	78
Jadual 3.8	Penunjuk saiz koefisien korelasi (α)	79
Jadual 3.9	Perbandingan nilai alpha PMQ	80
Jadual 3.10	Perbandingan nilai alpha TEOSQ	80
Jadual 3.11	Perbandingan nilai alpha CSAI-2	81
Jadual 3.12	Pemeringkatan tahap motif penglibatan keseluruhan	89
Jadual 3.13	Skor komposit pencapaian atau status	90
Jadual 3.14	Skor komposit semangat berpasukan	91
Jadual 3.15	Skor komposit kecergasan fizikal	92
Jadual 3.16	Skor komposit perkembangan kemahiran	93
Jadual 3.17	Skor komposit persahabatan	94
Jadual 3.18	Skor komposit keseronokan	95
Jadual 3.19	Skor komposit pembebasan tenaga	96
Jadual 3.20	Skor komposit persekitaran	97
Jadual 3.21	Skor komposit orientasi matlamat keseluruhan	98
Jadual 3.22	Skor komposit orientasi tugas	99
Jadual 3.23	Skor komposit orientasi ego	100
Jadual 3.24	Skor komposit kebimbangan pra-pertandingan keseluruhan	101
Jadual 3.25	Skor komposit kebimbangan kognitif	102
Jadual 3.26	Skor komposit kebimbangan somatik	103
Jadual 3.27	Skor komposit keyakinan diri	104

Jadual 3.28	Ringkasan pemilihan analisis statistik kajian berdasarkan soalan kajian	104
Jadual 4.1	Proses pembersihan data kajian	110
Jadual 4.2	Perbandingan nilai kebolehpercayaan instrumen kajian	110
Jadual 4.3	Taburan normaliti data	111
Jadual 4.4	Bilangan pelajar atlet berdasarkan jantina	112
Jadual 4.5	Bilangan pelajar atlet berdasarkan umur	112
Jadual 4.6	Bilangan tahun berdasarkan pengalaman bersukan	113
Jadual 4.7	Bilangan pelajar atlet berdasarkan peringkat penglibatan tertinggi	113
Jadual 4.8	Bilangan pelajar atlet berdasarkan jenis sukan	114
Jadual 4.9	Bilangan pelajar atlet berdasarkan tahun penglibatan dalam sukan	114
Jadual 4.10	Motif penglibatan dalam sukan mengikut skor min dan sisihan Piawai	115
Jadual 4.11	Orientasi matlamat dalam sukan mengikut skor min dan sisihan piawai	115
Jadual 4.12	Kebimbangan pra-pertandingan dalam sukan mengikut skor min dan sisihan piawai	116
Jadual 4.13	Motif penglibatan bagi pelajar atlet mengikut jantina berdasarkan urutan min tertinggi	118
Jadual 4.14	Ujian-t bagi motif penglibatan perkembangan kemahiran terhadap jantina	119
Jadual 4.15	Ujian-t bagi motif penglibatan semangat berpasukan berdasarkan jantina	119
Jadual 4.16	Ujian-t bagi motif penglibatan kecergasan fizikal berdasarkan jantina	120
Jadual 4.17	Ujian-t bagi motif penglibatan persahabatan berdasarkan jantina	120
Jadual 4.18	Ujian-t bagi motif penglibatan pencapaian atau status berdasarkan jantina	121
Jadual 4.19	Ujian-t bagi motif penglibatan persekitaran berdasarkan jantina	121

Jadual 4.20	Ujian-t bagi motif penglibatan pembebasan tenaga berdasarkan jantina	122
Jadual 4.21	Ujian-t bagi motif penglibatan keseronokan berdasarkan jantina	122
Jadual 4.22	Ujian-t bagi motif penglibatan keseluruhan berdasarkan jantina	123
Jadual 4.23	Ujian-t bagi motif penglibatan pencapaian berdasarkan jenis sukan	123
Jadual 4.24	Ujian-t bagi motif penglibatan pembebasan tenaga berdasarkan jenis sukan	124
Jadual 4.25	Ujian-t bagi motif penglibatan kecergasan fizikal berdasarkan jenis sukan	125
Jadual 4.26	Ujian-t bagi motif penglibatan kemahiran berdasarkan jenis sukan	125
Jadual 4.27	Ujian-t bagi motif penglibatan semangat berpasukan berdasarkan jenis sukan	126
Jadual 4.28	Ujian-t bagi motif penglibatan persahabatan berdasarkan jenis sukan	126
Jadual 4.29	Ujian-t bagi motif penglibatan persekitaran berdasarkan jenis sukan	127
Jadual 4.30	Ujian-t bagi motif penglibatan keseronokan berdasarkan jenis sukan	127
Jadual 4.31	Ujian-t bagi motif penglibatan keseluruhan berdasarkan jenis sukan	128
Jadual 4.32	Ujian-t bagi orientasi matlamat tugas berdasarkan jantina	129
Jadual 4.33	Ujian-t bagi orientasi matlamat ego berdasarkan jantina	129
Jadual 4.34	Ujian-t bagi orientasi matlamat keseluruhan berdasarkan jantina	130
Jadual 4.35	Ujian-t bagi orientasi matlamat tugas berdasarkan jenis sukan	130

Jadual 4.36	Ujian-t bagi orientasi matlamat ego berdasarkan jenis sukan	131
Jadual 4.37	Ujian-t bagi orientasi matlamat keseluruhan berdasarkan jenis sukan	132
Jadual 4.38	Ujian-t bagi kebimbangan pra-pertandingan kognitif berdasarkan jantina	132
Jadual 4.39	Ujian-t bagi kebimbangan pra-pertandingan somatik berdasarkan jantina	133
Jadual 4.40	Ujian-t bagi kebimbangan pra-pertandingan keyakinan diri berdasarkan jantina	133
Jadual 4.41	Ujian-t bagi kebimbangan pra-pertandingan keseluruhan berdasarkan jantina	134
Jadual 4.42	Ujian-t bagi kebimbangan pra-pertandingan kognitif berdasarkan jenis sukan	135
Jadual 4.43	Ujian-t bagi kebimbangan pra-pertandingan somatik berdasarkan jenis sukan	135
Jadual 4.44	Ujian-t bagi kebimbangan pra-pertandingan keyakinan berdasarkan jenis sukan	136
Jadual 4.45	Ujian-t bagi kebimbangan pra-pertandingan keyakinan berdasarkan jenis sukan	136
Jadual 4.46	Ujian kehomogenan varian motif penglibatan berdasarkan umur	138
Jadual 4.47	Ujian ANOVA sehala bagi perbezaan motif penglibatan berdasarkan umur pelajar atlet	139
Jadual 4.48	Perbezaan min mengikut peringkat umur	140
Jadual 4.49	Perbandingan <i>post hoc tukey</i> antara motif penglibatan Berdasarkan umur pelajar atlet	141
Jadual 4.50	Ujian kehomogenan varian motif penglibatan berdasarkan pengalaman	141
Jadual 4.51	Ujian ANOVA sehala bagi perbezaan motif penglibatan berdasarkan pengalaman pelajar atlet	142
Jadual 4.52	Ujian kehomogenan varians motif penglibatan berdasarkan umur	143

Jadual 4.53	Ujian ANOVA sehala bagi perbezaan orientasi matlamat berdasarkan umur pelajar atlet	143
Jadual 4.54	Ujian kehomogenan varian orientasi matlamat berdasarkan pengalaman	144
Jadual 4.55	Ujian ANOVA sehala bagi perbezaan orientasi matlamat berdasarkan pengalaman	144
Jadual 4.56	Ujian kehomogenan varian kebimbangan pra-pertandingan berdasarkan umur	145
Jadual 4.57	Ujian ANOVA sehala bagi perbezaan kebimbangan pra-pertandingan berdasarkan umur	146
Jadual 4.58	Perbezaan min mengikut peringkat umur	146
Jadual 4.59	Perbandingan <i>post hoc Tukey HSD</i> kebimbangan pra-pertandingan berdasarkan umur pelajar atlet	147
Jadual 4.60	Ujian kehomogenan varian kebimbangan pra-pertandingan berdasarkan umur	147
Jadual 4.61	Ujian ANOVA sehala bagi perbezaan kebimbangan pra-pertandingan berdasarkan umur	148
Jadual 4.62	Perbezaan min mengikut pengalaman	148
Jadual 4.63	Perbandingan <i>post hoc Tukey HSD</i> kebimbangan pra-pertandingan berdasarkan pengalaman pelajar atlet	149
Jadual 4.64	Kekuatan hubungan mengikut nilai korelasi	150
Jadual 4.65	Korelasi <i>pearson</i> antara motif penglibatan dengan kebimbangan pra-pertandingan	151
Jadual 4.66	Korelasi <i>pearson</i> antara orientasi matlamat dengan kebimbangan pra-pertandingan	152
Jadual 4.67	Korelasi <i>pearson</i> motif penglibatan dan orientasi matlamat keseluruhan dengan kebimbangan pra-pertandingan pelajar atlet Sekolah Sukan Malaysia	153
Jadual 4.68	Variabel-variabel yang dimasukkan ke dalam persamaan	154
Jadual 4.69	Ringkasan Model Regresi	155
Jadual 4.70	Model Regresi	156
Jadual 4.71	Jadual koefisien pembolehubah peramal	157



SENARAI RAJAH

	Halaman	
Rajah 2.1	Perubahan kebimbangan pra-pertandingan	36
Rajah 2.2	Teori <i>Catastrophe</i>	38
Rajah 2.3	Teori Maslow	41
Rajah 2.4	Kerangka konseptual kajian	61
Rajah 3.1	Kaedah pemilihan sampel kajian	67
Rajah 3.2	Ringkasan prosedur kajian	72



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

ANOVA	Analysis of Varians
BPPDP	Bahagian Perancang dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
df	Degree of Frequencies
IPG	Institut Pendidikan Guru
ISN	Institut Sukan Negara
JKPS	Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
K	Kerap
KBS	Kementerian Belia Dan Sukan
KK	Kadangkala
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KPp	Kebimbangan Pra-pertandingan
M	Min
MOM	Majlis Olimpik Malaysia
MP	Motif Penglibatan
MPIK	Maktab Perguruan Ilmu Khas
MSN	Majlis Sukan Negara
MSS	Majlis Sukan Sekolah-Sekolah
MSSM	Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia
OE	Orientasi Ego
OM	Orientasi Matlamat
OT	Orientasi Tugasan
P&P	Pengajaran & Pembelajaran
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PMQ	Progressive Motives Questionnaire
r	Regresi
S	Selalu
S	Setuju
SAS	Sport Anxiety Scale
SCAI-2	Competitive State Anxiety Inventory-2
SD	Standard Deviation

SMS	Skala Motivasi Scale
SPPS	Statistical Package For Social Science
SS	Sangat Setuju
SSBJ	Sekolah Sukan Bukit Jalil
SSM	Sekolah Sukan Malaysia
SSS	Sekolah Sukan Summer
SSTMI	Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail
STAIX-2	Spielberger State Anxiety Inventory-2
STS	Sangat Tidak Setuju
STS	Tidak Pasti
TEOSQ	Task and Ego Orientation in Sport Questionnaire
TID	Talent Indentification
TSS	Tidak Sama Sekali
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Malaysia sangat serius dalam pembangunan sukan. Pelbagai usaha dijalankan bagi memastikan mutu sukan negara setanding dengan negara-negara lain. Kerajaan Malaysia, melalui Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) adalah dua kementerian utama peneraju pembangunan sukan. Meskipun Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) merupakan badan induk kepada pembangunan pendidikan, namun KPM juga aktif dalam pembangunan sukan.

Walaupun pelbagai usaha dilaksanakan bagi meningkatkan mutu sukan negara, Malaysia masih kekurangan atlet berbakat bertaraf dunia (Ismail Sabri Yaakob, 2008). Menyedari hakikat tersebut, strategi mengasah bakat sukan perlu dipergiatkan terutamanya pada usia muda. Pemupukan budaya sukan dari peringkat awal kanak-kanak mampu membentuk bakat pada masa hadapan. Menurut Ismail Sabri Yaakob (2008), negara-negara kuasa sukan seperti China memulakan pencarian bakat sukan sejak atlet masih kecil. Ini kerana bakat-bakat muda ini mudah dibentuk dan diasuh untuk menjadi jaguh sukan bertaraf dunia.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menubuhkan dua buah sekolah sukan elit khusus bagi melatih dan mengasah bakat pelajar-pelajar dari usia muda. Untuk tujuan itu, kerajaan telah menubuhkan dua buah sekolah khusus kepada sukan iaitu Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) dan Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI). Kedua-dua sekolah sukan ini (Sekolah Sukan Bukit Jalil dan Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail) berusaha gigih dalam usaha melahirkan bakat-bakat muda dalam sukan antarabangsa. Kewujudan kedua-dua sekolah sukan ini telah menampakkan hasil. Buktinya dalam Sukan Sea 2001, sejumlah 57 orang pelajar atlet Sekolah Sukan Malaysia (SSM) telah mewakili negara. Daripada jumlah tersebut sebanyak 28 pingat emas, 15 pingat perak dan 13 pingat gangsa telah berjaya diperolehi oleh pelajar atlet SSM.

Kejayaan pelajar atlet SSM ini adalah 25 peratus daripada kutipan keseluruhan pungutan pingat emas dalam kontingen negara. Pencapaian ini amat membanggakan kerana pelajar atlet yang masih dibangku sekolah yang dilatih secara sistematik telah berjaya menyumbang pingat untuk negara bagi acara sukan berprestasi tinggi (Hishamuddin Hussein, 2005).

Selain itu, KPM telah merangka Pelan Strategik Pembangunan Sukan melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) bagi tempoh 2006-2010. Dalam Pelan Strategik tersebut, KPM terus berusaha bagi membantu Pembangunan Sukan khusus kepada pelajar atlet. Antara lain strategi Pembangunan Sukan KPM adalah memantapkan pelaksanaan pembangunan dengan menambah peruntukan sebanyak RM10 juta bagi menaik taraf 15 pusat sukan negeri serta menubuhkan sekolah-sekolah sukan negeri sebagai sekolah sokongan kepada sekolah sukan elit. Bagi memperkasakan Sekolah Sukan Malaysia (SSM) sedia ada, KPM telah merangka kerjasama jitu bersama KBS, Majlis Sukan Negara (MSN) dan Majlis Olimpik Malaysia (MOM). Kerjasama ini telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Sukan (JKPS) (PIPP-KPM, 2006).

Justeru, bagi merealisasikan agenda memartabatkan sukan negara ke tahap dunia, pendekatan komprehensif adalah perlu. Antara pendekatan komprehensif yang telah dilaksanakan oleh KPM dan KBS adalah penumpuan kepada pembangunan sukan berprestasi tinggi dan pembangunan sukan massa. Lantaran itu, kerajaan telah meningkatkan pembangunan tenaga pengajar terlatih serta pembangunan program berpotensi (PIPP-KPM, 2006). Kesemua usaha ini merupakan satu langkah komprehensif kerajaan dalam usaha melahirkan jaguh-jaguh sukan di arena antarabangsa khusus kepada pelajar atlet di SSM.

Pembangunan sukan negara yang dirancang dengan jitu telah menampakkan hasil yang memberangsangkan. Maka, bagi meneruskan pembangunan sukan negara adalah sangat mendukacitakan sekiranya program yang dirancang menemui kegagalan. Oleh itu, adalah mustahak bagi menggiatkan usaha ini demi melahirkan atlet bertaraf dunia pada masa akan datang. Pelajar atlet merupakan aset paling berharga untuk merealisasikan impian ini. Untuk itu,

motif penglibatan dan orientasi matlamat pelajar atlet perlu diketahui dan difahami secara mendalam demi meneruskan perjuangan negara dalam bidang sukan. Keupayaan menyerapkan kebimbangan dalam pertandingan turut dilihat sebagai langkah perlu bagi menyediakan mental pelajar atlet utuh dan berupaya bertanding di peringkat dunia.

1.2 Latar Belakang Kajian

Sekolah Sukan Malaysia (SSM) merupakan sebuah institusi sukan elit yang ditadbir sepenuhnya oleh Bahagian Sukan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Penubuhan sekolah sukan ini adalah sebagai pemangkin kepada pembangunan sukan tanahair dalam usaha mencari dan membina barisan atlet pelapis negara. Terdapat dua buah SSM iaitu Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ), Kuala Lumpur dan Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI), Johor (dahulunya dikenali sebagai Sekolah Sukan Bandar Penawar). Konsep SSM adalah, sukan menjadi keutamaan dengan tidak mengabaikan akademik dengan pemberatan 60 peratus sukan dan 40 peratus akademik. Pelajar atlet yang berada di SSM merupakan pelajar-pelajar sekolah yang berpotensi untuk dikembangkan bakatnya ke tahap lebih cemerlang. Cara kemasukan ke SSM adalah berdasarkan ujian mengenal pasti bakat (*Talent Identification-TID*) oleh Unit Pelajaran Negeri yang dikendalikan oleh Bahagian Sukan, KPM di peringkat kebangsaan, Program *Talent Scouting* (Ujian Atlet Berbakat) yang dijalankan sepanjang Kejohanan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM) dan calon-calon yang dicadangkan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan yang mendapat pengesahan daripada Majlis Sukan Negara (MSN) sebagai atlet elit atau atlet pelapis negara. Antara sukan-sukan yang dimajukan adalah akuatik, bola keranjang, bola sepak, bola jaring, bola tampar, badminton, boling tenpin, berbasikal, ekuestrian, golf, gimnastik, hoki, kriket, lawan pedang, memanah, menembak, olahraga, skuasy, sepak takraw, tenis dan seni mempertahankan diri. Semua pelajar atlet yang ditawarkan ke SSM diwajibkan tinggal di asrama kerana sistem persekolahannya yang agak berbeza sedikit serta meningkatkan ketahanan mental dan disiplin pelajar atlet.